



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH  
URUS SETIA PENGAMBILAN  
DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3)  
PEJABAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**1. Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

**2. Sila Ambil Perhatian:**

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II  
PEJABAT PERUBAHAN IKLIM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
JABATAN PERDANA MENTERI  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Asas Kejuruteraan / *Climate Finance / Climate Mitigation and Adaptation / Climate Science / Communication / Dasar Awam / Economics / Energy / Energy Efficiency / Mathematics / Pendidikan Geografi / Pengurusan / Renewable Energy / Science Environmental Management / Statistical Management* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:
  - i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
  - ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
  - iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii) dan iii) akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengendalikan dan mengadakan perbincangan dengan agensi-agensi peneraju (Lead Agencies), kumpulan kerja (Working Groups) di bawah urus tadbir perubahan iklim Negara Brunei Darussalam, dan agensi-agensi pertubuhan yang berkepentingan dalam pelaksanaan Brunei National Climate Change Policy (BNCCP);
2. Membantu dalam penyediaan agenda, laporan dan slaid mesyuarat bagi Mesyuarat Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Perubahan Iklim, di samping menyediakan pengemaskinian dasar, laporan kemajuan projek, serta memastikan tindakan susulan secara berkala terhadap item tindakan (action items) yang telah ditetapkan;



3. Menganalisa perjanjian-perjanjian antarabangsa, dan menyelidik serta mencadangkan kedudukan Negara;
4. Mengumpul data, laporan KPI dan maklumat yang berkaitan dengan perkembangan terkini bagi strategi-strategi di bawah BNCCP daripada agensi-agensi peneraju (Lead Agencies) bagi tujuan pemantauan, penilaian dan pelaporan setiap suku tahun;
5. Membantu mengekalkan sistem pengurusan data untuk menyimpan dan memproses data yang dikumpul, serta memastikan sistem tersebut membolehkan akses, analisis, dan pelaporan data pelepasan Greenhouse Gases (GHG) dengan teratur;
6. Penyelarasan keperluan pelaporan antarabangsa bagi Negara Brunei Darussalam di bawah The United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC) seperti penyediaan laporan Nationally Determined Contributions (NDC) dan Biennial Transparency Report (BTR), serta melibatkan pihak berkepentingan dalam pembangunan komitmen dan laporan tersebut;
7. Membantu dalam persediaan bagi Sesi Majlis Mesyuarat Negara seperti info-pack dan laporan-laporan yang berkenaan untuk kegunaan semasa Mesyuarat berlangsung; dan
8. Melaksanakan tugas-tugas lain dan tanggungjawab sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.